



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

HARI : JUMAAT
TARIKH : 26/11/2021
M/SURAT : 1

**Kit ujian kendiri
RTK antigen kini
dijual RM4.90
seunit berbanding
RM19.90
sebelum ini**

Nasional 6





Alexander (kiri) membaca akbar BH selepas merasmikan pasar raya 99 Speedmart di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Ihsan FB Alexander Nanta Linggi)

Penularan COVID-19

Kit ujian kendiri kini RM4.90 seunit

Penurunan harga pada kadar mampu milik tak jejas aspek kualiti peranti

Oleh Luqman Arif
Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kit ujian pantas (RTK) antigen menggunakan sampel air liur kini dijual pada harga lebih rendah, iaitu RM4.90 tanpa menjelaskan aspek kualiti peranti berkenaan.

Penurunan harga sebanyak

87.7 peratus sejak kit berkenaan pertama kali dijual di pasaran bagi kegunaan orang ramai, difasikan selari usaha kerajaan bagi mengelak penularan jangkitan COVID-19 dalam kalangan komuniti.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, ketika mengumumkan perkara itu, berkata kit ujian kendiri COVID-19 sudah menjadi keperluan seisi rumah memandangkan kadar penularan pandemik masih tinggi di Malaysia.

Susulan pembukaan lebih banyak sektor ekonomi, pekerjaan, sekolah dan institusi pengajian, beliau mengakui bahawa keperluan untuk membuat ujian kendiri menjadi lebih mendesak serta perlu dilakukan de-

ngan kerap.

"Kementerian sentiasa mendengar keluhan rakyat yang terkesan akibat perjualan kit ini pada harga tinggi sebelum ini, justeru menerusi usaha bertali arus, kita berjaya menurunkan harga kit ujian kendiri daripada RM39.90 kepada harga siling RM19.90 pada peringkat runcit.

"Melalui perbincangan berterusan kementerian bersama Kementerian Kesihatan (KKM), saya bersetuju harga kit ini perlu diturunkan lagi, tanpa berkompromi dengan kualiti kit ujian.

"Semestinya saya mahu kit ini dapat dibeli dengan harga mampu milik supaya semua rakyat dapat melakukan sendiri ujian secara kerap. Antara strategi yang dilaksanakan adalah

dengan memberikan kebenaran kepada lebih banyak premis seperti di pasar raya dan kedai rangkaian menjualnya.

"Setakat ini, kementerian sudah memberikan kebenaran kepada 7,302 premis di seluruh negara untuk menjual kit ujian kendiri ini yang diberikan kebenaran oleh KKM dan Pihak Berkuaasa Peranti Perubatan (MDA)," katanya dalam kenyataan, semalam.

Terdahulu, Alexander menyumbangkan 2,000 naskah akbar BH kepada rangkaian pasar raya, 99 Speedmart untuk diedarkan kepada pengunjung dan pelanggan sempena pembukaan cawangan kedai berkenaan yang ke-2,000 di Puncak Sentul, di sini.

Alexander berkata, keputu-

san memperluaskan penjualan kit ujian kendiri kepada rangkaian sektor peruncitan di negara ini menyaksikan harga peranti berkenaan berupaya diturunkan sehingga mencecah paras RM6.90 sebelum ini.

"Namun, hari ini (semalam), saya amat gembira melihat inisiatif 99 Speedmart yang sudah mula menjual kit ini pada harga RM4.90 seunit.

"Kerjasama peniaga seperti ini amat kami hargai untuk kita sama-sama membantu meringankan beban rakyat, terutama dalam usaha kita mengawal dan menurunkan jumlah kes COVID-19 di Malaysia.

"Saya berharap lebih banyak premis akan mengambil langkah yang sama dalam waktu terdekat," katanya.

Ada premis boleh jual RM4.90 seunit

Harga kit ujian kendiri perlu lebih murah

Oleh EDDY HAMIDI

PETALING JAYA — Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi memaklumkan harga kit ujian kendiri Covid-19 perlu diturunkan lagi agar rakyat Malaysia dapat melakukan ujian sendiri secara kerap.

Beliau berkata, seiring dengan pembukaan lebih banyak sektor ekonomi, pekerjaan, sekolah dan institusi pengajian, sudah pasti keperluan untuk melakukan ujian kendiri menjadi lebih mendesak dan kerap dilakukan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sentiasa mendengar keluhan rakyat yang

terkesan akibat penjualan set ini pada harga tinggi sebelum ini.

"Melalui usaha yang dilakukan oleh kementerian, kita sudah berjaya menurunkan harga kit ujian kendiri ini daripada RM39.90 kepada harga siling RM19.90 di peringkat runcit," katanya menerusi satu hantaran di Facebook semalam.

Jelasnya, menerusi perbincangan berterusan antara KPDNHEP dan Kementerian Kesihatan (KKM), beliau bersetuju bahawa harga kit itu perlu diturunkan lagi tanpa berkompromi dengan kualitiinya.

"Semestinya saya mahu kit ini dapat dibeli dengan harga mampu milik agar rakyat dapat membuat sendiri ujian secara kerap.

"Antara strategi dilaksanakan KPDNHEP adalah memberi kebenaran kepada lebih banyak premis seperti pasar raya dan kedai rangkaian menjual kit ujian yang telah mendapat kebenaran pihak Berkusa Peranti Perubatan (MDA) dan KKM," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut memuji inisiatif yang diambil oleh kedai serbaneka 99 Speedmart yang sudah mula menjual kit ujian tersebut pada harga serendah RM4.90 seunit.

"Kerjasama daripada peniaga seperti ini amat kami hargai, bagi kita bersama-sama membantu meringankan beban rakyat, terutama dalam usaha kita mengawal dan menurunkan jumlah kes Covid-19 di negara kita," katanya.



ALEXANDER (dua dari kanan) memegang kit ujian kendiri Covid-19 yang dijual pada harga RM4.90 di salah sebuah cawangan kedai serbaneka 99 Speedmart di Sentul, Kuala Lumpur.

RTK boleh didapati pada harga RM4.90

Tanpa menjelaskan kualiti peranti tersebut

Oleh MUHAMMAD AMNAN HIBRAHIM

SHAH ALAM

Kit ujian pantas (RTK) antigen Covid-19 menggunakan sampel air liur kini boleh didapati dengan harga serendah RM4.90 seunit tanpa menjelaskan kualiti peranti tersebut.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, hal berkenaan merupakan satu perkembangan positif memandangkan kit ujian tersebut dilihat sudah menjadi satu keperluan penting kepada seluruh masyarakat Malaysia.

Beliau berkata, dengan



Nanta (dua dari kanan) ketika melakukan lawatan di 99 Speedmart pada Rabu.

pembukaan lebih banyak sektor ekonomi, pekerjaan, sekolah dan institusi pengajian tinggi, keperluan untuk membuat ujian ken diri kini juga menjadi lebih mendesak dan perlu dilakukan dengan kerap.

"KPDNHEP sentiasa mendengar keluhan rakyat yang terkesan akibat penjualan set ini yang dijual pada harga tinggi, sebelum ini. Melalui usaha yang diadakan oleh kementerian, kita sudah berjaya turunkan harga kit ujian ken diri ini dari RM39.90 ke-

pada harga siling RM19.90, di peringkat runcit.

"Melalui perbincangan berterusan KPDNHEP dan Kementerian Kesihatan, saya bersetuju harga kit ini perlu diturunkan lagi, tanpa berkompromi dengan kualiti kit ujian ini."

"Semestinya saya mahu kit ini dapat dibeli dengan harga mampu milik agar semua rakyat dapat melakukan sendiri ujian secara kerap," katanya menerusi satu hantaran di Facebook pada Khamis.



Self-test saliva kit now available at RM4.90

KUALA LUMPUR: The public can now get the Covid-19 self-test saliva antigen rapid test kit at RM4.90 each.

Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said despite the lower price, the quality of the self-test kits would not be compromised.

"Covid-19 self-test kits have become a necessity for every household, judging by the coronavirus situation in the country."

"With more economic sectors, schools and educational institu-

tions reopening, it is necessary for people to self-test periodically. Through continuous meetings between my ministry and the Health Ministry, I have given the green light for the price of the self-test kits to be further reduced without compromising on the quality of the product," he said in a Facebook post yesterday.

He said to ensure that the self-test kits were easily accessible, the ministry had allowed more supermarkets and chain stores to sell Covid-19 self-test kits that had been approved by the Med-

ical Device Authority (MDA).

"To date, 7,302 premises have been allowed to sell the self-test kits that have been approved by the Health Ministry and MDA."

He said while the prices of the test kits were previously reduced to RM6.90 each, he welcomed the initiative by 99 Speedmart (chain of convenient stores) to sell the self-test kit at RM4.90 each, starting yesterday.

"We appreciate this initiative, which will ease the burden of people and hope other premises will follow suit."

Harga sayur sekilogram

semasa berbanding dua minggu lalu



KUBIS
RM5.00
Harga semasa



KUBIS BUNGA
RM20
Harga semasa



BROKOLI
RM20-22
Harga semasa



SAWI THAILAND
RM6
Harga semasa

Harga sayur tertinggi dalam 30 tahun

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB dan
NAZLINA NADZARI
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

KANGAR: "Sejak 30 tahun ber-
niaga, kenaikan harga sayur-sayuran kebelakangan ini adalah paling tinggi pernah dialami,"

Demikian antara keluhan peniaga sayur di pasar Kuala Perlis, di sini berhubung isu kenaikan harga sayur yang dikesan sejak tiga minggu lalu membantah mereka dan pengguna.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, harga sayur seperti kubis, sawi, bunga kubis dan brokoli naik antara RM2 sehingga RM8.

Ekoran kenaikan tersebut, ada kalangan peniaga yang tidak mahu mengambil risiko menjual sayur-sayuran jenis tersebut bagi mengelak kerugian.

Seorang peniaga, Cho Po Huat, 74, berkata, bunga kubis pada masa ini dijual pada harga RM20 sekilogram berbanding RM12 sekilogram, kira-kira sebulan lalu.

Katanya, harga brokoli pula



CHO PO HUAT menunjukkan sayur sawi dan bunga kubis iaitu antara sayur-sayuran yang mengalami kenaikan harga kebelakangan ini di Pasar Kuala Perlis, Perlis hari ini. - UTUSAN/NAZLINA NADZARI.

meningkat daripada RM8 sekilogram sebelum ini kepada RM20 sehingga RM22 sekilo-

gram sekali gus menyebabkan dia memilih tidak menjual sayur tersebut ketika ini.

"Sayur sawi dari Thailand pun naik kepada RM6 sekilogram berbanding RM4 sekilogram dalam dua tiga minggu lalu. Ada pelanggan kata kami saja jual mahal, sedangkan kami juga memperoleh harga yang mahal daripada pembekal.

"Kenaikan harga ini membuat kami pun pening kepala. Sudah 30 tahun jual sayur, ini adalah kali pertama saya lihat kenaikan paling tinggi," katanya.

Sementara itu, Low Peik Ngo, 52, memberitahu, dia memilih sayur sawi daripada Thailand berbanding dari Cameron Highlands yang jauh lebih tinggi harganya.

"Sawi dari Cameron Highlands ditolak kepada kami pada harga RM8 sekilogram, kalau ambil nanti terpaksa jual pada harga lebih mahal berbanding sawi dari Thailand yang ditolak oleh pembekal pada harga antara RM4 ke RM5 sekilogram.

"Banyak sayuran yang naik harga dan tidak pernah terjadi sebelum ini," ujarnya.

Bagi Nor Marlana Yusri, 27, kenaikan harga sayur kebelaka-

gan ini memberi kesan kepada pengguna yang terpaksa mengeluarkan perbelanjaan lebih.

"Sebelum ini, ingat harga ayam sahaja mengalami kenaikan, tidak sangka pula beberapa jenis sayur-sayuran juga naik harga. Boleh dikatakan kebelakangan ini, semua barang naik harga," kata suri rumah tersebut.

Seorang peniaga makanan yang hanya mahu dikenali sebagai Zaini pula berkata, meskipun kebanyakan harga barang naik termasuk terbaru sayur-sayuran, dia masih bertahan tidak menaikkan harga.

Dalam pada itu, Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (PPDNHEP) Perlis memaklumkan, terdapat kenaikan harga beberapa jenis sayur di negeri ini dengan julat kenaikan antara RM2 hingga RM8 sekilogram.

Pengaruhnya, Norazah Jaapar berkata, trend kenaikan tersebut dikesan berlaku dengan ketara sejak minggu lalu iaitu bagi sayur kubis, sawi, brokoli, kacang buncis dan cili merah.

Khairi tak kisah harga sayur naik



**HARUM
MANIS KELAT**
BADRULDIN ZAKARIA

Saya ada seorang kawan, namanya Khairi. Rakan-rakan menggelarnya Khairi Sayur kerana sikapnya yang tidak suka makan sayur.

Setiap kali kami makan bersama di restoran, antara ingatan penting yang ditekankan Khairi apabila memesan makanan ialah ‘jangan letak sayur’!

Tidak kiralah sama ada nasi goreng kampung, nasi goreng Cina, pattaya waiwa tomyam campur sekali pun, Khairi akan meminta supaya tiada sayur.

Kadangkala dalam ketegasan Khairi memberitahu tidak mahu makanannya diletakkan sayur, ada juga beberapa kali nasi goreng yang dipesannya dimasukkan sayur oleh tukang masak.

Sambil membebek, Khairi seperti biasa akan membuang semua sayur itu dan tidak akan makan selagi proses pengasingan tidak selesai.

Kata Khairi, dalam dirinya ada ter-

semat prinsip katakan tidak kepada sayur. Malah, hidupnya bahagia dan bertambah selera makan nasi tanpa sayur.

Katanya lagi, sejak kecil dia memang tidak suka makan sayur. Dia juga pernah cuba memaksa diri tetapi tekaknya seperti tidak dapat menerima tumbuhan hijau tersebut.

Jadi, daripada menyaksikan hidupnya, Khairi mengambil keputusan untuk mengelak pengambilan sayur kerana ada alternatif lain selain makanan itu.

Jelasnya, dengan mencamalkan minum air buah yang segar, ia dapat mengimbangi sikapnya tidak makan sayuran hijau.

Saya pula tidak kisah sangat. Sayur, tidak ada pun okey, ada pun bolch juga. Tapi kalau ada ulam-ulaman seperti petai, jering, genuak, putik jagung, ulam raja, daun selom dan macam-macam lagilah, selera untuk makan lebih membuat-buak.

Dan ketika ini heboh mengenai harga sayur yang naik berlipat kali ganda. Seperti yang dilaporkan semua media, Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader berkata, harga lapan jenis sayur-sayur naik sehingga 200 peratus iaitu daripada RM3 (kg) kepada RM9 (kg).

Paling drastik ialah sawi pendek. Walaupun namanya tidak berapa komersial, ia didapati naik sehingga 200 peratus iaitu daripada RM3 (kg) kepada RM9 (kg).

Sudah pasti berita mengenai kenaikan harga sayur tidak diambil peduli oleh Khairi kerana dia memang tidak suka sayur.

Naiklah sehingga sama nilai dengan emas sekali pun, Khairi tidak akan terkesan kerana ia bukan makanan kegemarannya.

minggu lalu.

Malah, sayur-sayuran lain juga dijangka naik disebabkan masalah cuaca, isu pengeluaran, harga bahan yang meningkat dan banyak lagi alasan untuk merasionalkan kenaikan harga berkenaan.

Harga kubis bunga sebelum ini RM7 sekilogram (kg) naik sehingga RM16 (kg). Brokoli daripada RM8 (kg) kepada RM20 (kg).

Begitu juga harga sawi daripada RM5 kepada RM8 (kg), kacang buncis RM8 kepada RM15 (kg), kubis daripada RM4 kepada RM6 (kg), cili merah daripada RM13 kepada RM19 (kg) dan cili hijau daripada RM10 kepada RM14 (kg).

Walaupun namanya tidak berapa komersial, ia didapati naik sehingga 200 peratus iaitu daripada RM3 (kg) kepada RM9 (kg).

Sudah pasti berita mengenai kenaikan harga sayur tidak diambil peduli oleh Khairi kerana dia memang tidak suka sayur.

Naiklah sehingga sama nilai dengan emas sekali pun, Khairi tidak akan terkesan kerana ia bukan makanan kegemarannya.

Namun, bagi orang lain, kenaikan tersebut cukup membebankan kerana jumlah kenaikan amat ketara.

Saya ada terbaca pelbagai luahan warganet mengenai kenaikan harga sayur. Rata-rata mereka mengharapkan kerajaan berbuat sesuatu kerana siri kenaikan harga makanan seperti sudah berjangkit antara satu sama lain.

Paling dibimbangkan harga baharu akan kekal dan sukar untuk kembali kepada harga asal yang sepatutnya.

Daripada kenaikan harga minyak masak, ayam hingga harta telur – warganet bimbang selepas ini akan ada lagi beberapa kenaikan harga barang yang akan menyusahkan hidup orang ramai.

Dengan impak Covid-19 yang masih kuat, ditambah ada yang hilang kerja dan kehilangan sebahagian gaji, kenaikan harga barang akan menyebabkan poket rakyat marhaen makin kempis.

Mereka mengharapkan nasib golongan bawahan terus dibela dan tidak menerima nasib seperti mentimun dan durian. Mengolek rosak, kena golek pun binasa.

* Badruldin Zakaria ialah Timbalan Pengarang Berita Sinar Harian

HARI : JUMAAT
TARIKH : 26/11/2021
M/SURAT : 1



Rising vegetable prices due to global hike in pesticide, fertiliser costs and poor weather

» REPORT BY NORAIN MOHAMED RADHI
ON PAGE 4

PIC BY FAIZ ANUAR

PLANS DRAWN UP

'PRICIER VEG DUE TO GLOBAL COST HIKES'

Fertiliser, pesticide price hike among reasons why greens more expensive, says minister

NOR AIN MOHAMED RADHI AND TEOH PEI YING KUALA LUMPUR news@nst.com.my

THE global price increase of fertiliser and pesticide was among the reasons behind the recent skyrocketing price of vegetables in the country.

Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said this was established during an engagement between his ministry, the Agriculture and Food Industry Ministry and the Finance Ministry on Wednesday.

"During the meeting, among the issues that were discussed was the rise in food prices, especially the price of chicken and vegetables, which have shot up in recent days.

"The meeting was informed that among the factors behind the increase in vegetable prices in the local market was related to the increase in fertilisers and pesticides prices globally.

"Therefore, several action plans are being drawn up involving the three ministries, and I hope that these actions can be implemented as soon as possible to help the severely affected consumers and traders," he said in a Facebook post on Wednesday.

The meeting was chaired by Fi-



Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry officials checking the price of vegetables at the Chabang Tiga Market in Kuala Terengganu on Wednesday. PIC BY BAHROM BAKAR

nance Minister Tengku Datuk Seri Zafirul Tengku Abdul Aziz and also attended by Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Klandee.

Consumer groups had recently urged the authorities to take steps to reduce the prices of vegetables, which have shot up in recent days.

They claimed that the prices of some vegetables had increased by up to 200 per cent over the past two weeks.

Meanwhile, vegetable wholesalers said poor weather, de-

creased production, expensive inputs and higher shipping costs to import vegetables were the chief reasons behind the price hikes.

Cameron Highlands Vegetable Growers Association secretary Chay Ee Mong said the rainy season had led to lower productivity of vegetable farms.

"Poor weather conditions have affected the growth of vegetables in Cameron Highlands, causing lower production volumes.

"Recently, we even had landslides here."

"Also, within these two years, we have been hit with a labour shortage, leaving us unable to go full swing with our production," he said, adding that expensive inputs of fertilisers, pesticides and seeds also contributed to a rise in vegetable prices.

He said vegetables such as cauliflower, broccoli and chillies were imported, and hence were pricier.

"Imported ones of course will be expensive due to freight charges and shipping costs, which have also increased.

Hence, consumers have to bear the cost, too.

"Last time, it was easy and cheap to import, but look at the scenario now."

Chay said vegetable importers were also facing problems, as greens were perishable and they would have to bear the loss should there be any delay in shipment.

Asked when consumers could expect things to return to normal, Chay said: "I must ask God first when the rain will stop and when the pandemic will go away."



CHO PO HUAT menunjukkan sayur sawi dan bunga kubis yang merupakan antara jenis sayur yang mengalami kenaikan harga di Pasar Kuala Perlis, Kuala Perlis semalam.

Harga sayur paling tinggi dalam 30 tahun

Oleh NUR NAZLINA NADZARI

* KUALA PERLIS - Peniaga di Pasar Kuala Perlis, di sini mendakwa kenaikan harga beberapa jenis sayur sejak tiga minggu lalu adalah paling tinggi dalam tempoh 30 tahun.

Tinjauan ke pasar tersebut mendapati harga sayur seperti kubis, sawi, bunga kubis dan brokoli naik antara RM2 hingga RM8.

Kenaikan harga itu menyebabkan ada peniaga tidak mengambil sayur berkenaan bagi mengelakkkan kerugian.

Seorang peniaga, Cho Po Huat, 74, berkata, harga bunga kubis kini dijual pada harga RM20 sekilogram berbanding RM12 sekilogram kira-kira sebulan lalu.

Katanya, harga brokoli pula

meningkat kepada RM20 hingga RM22 sekilogram berbanding RM8 sekilogram sebelum ini menyebabkan dia memilih untuk tidak menjual sayur tersebut ketika ini.

"Sayur sawi dari Thailand pun naik kepada RM6 sekilogram berbanding RM4 sejak tiga minggu lalu. Ada pelanggan kata kami saja jual mahal, sedangkan kami juga memperoleh harga yang mahal daripada pembekal.

"Kenaikan harga ini membuatkan kami pun pening kepala. Sudah 30 tahun jual sayur, ini kali pertama saya lihat kenaikan yang paling tinggi," katanya.

Sementara itu, Low Peik Ngo, 52, berkata, dia memilih sayur sawi dari Thailand berbanding Cameron Highlands yang jauh lebih murah harganya.

"Sawi dari Cameron Highlands ditolak kepada kami pada harga RM8 sekilogram, kalau ambil nanti terpaksa jual pada harga yang lebih mahal berbanding sawi dari Thailand yang ditolak oleh pembekal pada harga antara RM4 ke RM5 sekilogram.

"Tidak pernah terjadi seperti ini sebelum ini. Oleh itu, saya berharap kerajaan dapat mengawal kenaikan harga tersebut supaya tidak membebankan peniaga seterusnya pelanggan," ujarnya.

Pengarah Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Perlis, Norazah Jaapar berkata, terdapat kenaikan harga sayur seperti kubis, sawi, brokoli, kacang buncis dan cili merah dengan julat kenaikan antara RM2 hingga RM8 sekilogram.

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : JUMAAT
TARIKH : 26/11/2021
M/SURAT : 16

		Senarai Harga Barang Keperluan			
Ayam	RM6.49	Telur Gred A	RM12.30	Gula Pasir	RM2.85
Daging Lembu Tempatan	RM35	Ikan Kembung	RM10.99	Bawang Besar Holland	RM2.99
Daging Lembu Import.	RM15.50	Minyak Masak	RM6.40	Bawang Putih	RM5.50
				Cili Merah	RM11.99
				Kubis Tempatan	RM4.99
				Tepung Gandung	RM2.19

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

Minda Pengarang

AZMAN IBRAHIM

Siakap, sotong, apa pula selepas ini?

BELUM pun reda isu siakap berharga RM1,196 dari Langkawi, Kedah diperdebatkan dalam media sosial, timbul pula isu baharu iaitu sotong kayangan yang dikatakan berharga RM100 untuk dua ekor di Pulau Pinang.

Isu ini bermula apabila terdapat pengguna Facebook memuat naik gambar resit bayaran makanan yang dikenakan oleh sebuah restoran nasi kandar dan menjadi tular selain menimbulkan reaksi pelbagai dalam kalangan warganet.

Natijahnya, kedua-dua isu ini menunjukkan kuasa tular dalam media sosial sangat berkesan dan memberi impak luar biasa. Silap-silap, restoran yang terlibat boleh gulung tikar gara-gara kuasa tular berkenaan.

Paling menarik, tiba-tiba sajalah keberkesanan Bahagian Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) membuat 'kerja' mereka.

Apakah selama ini caj restoran-restoran cekik darah tidak pernah kelihatan, diperiksa, disoal siasat dan diambil tindakan? Atau adakah tindakan akan diambil berdasarkan aduan pengguna sahaja?

Apa pun, syabas diucapkan di atas keprihatinan KPDNHEP dalam menangani isu ini dengan pantas selain menunjukkan kuasa pengguna adalah paling utama.

Bercakap mengenai harga lauk-pauk yang mahal di restoran, sebagai pengguna, mereka perlu bijak membuat pilihan dan berbelanja mengikut kemampuan poket masing-masing.

Sebagai pengguna, perlu bertanya terlebih dahulu atau mendapat kepastian tentang harga lauk-pauk yang ingin dibeli.

Kalau ditanya penduduk Pulau Pinang sendiri pun, mereka pun tidak akan memilih sotong Apollo atau udang galah yang sememangnya diketahui mahal di semua restoran nasi kandar.

Sotong Apollo dan udang galah ini sebenarnya akan menjadi makanan 'kadang-kadang' bagi golongan marhaen kecuali jika ada lebihan pendapatan, mendapat 'durian runtuh' atau menerima bonus tahunan daripada majikan.

Dalam hal ini, para pengguna juga perlu berfikir rasional berkenaan harga makanan yang semakin cekik darah pada waktu ekonomi negara semakin pulih. Selepas sektor ekonomi dan sosial dibuka, hampir semua harga barang meningkat. Harga barang dapur turut menunjukkan peningkatan signifikan sekali gus amat memberi kesan terhadap peniaga dan pengusaha-pengusaha restoran. Sehubungan itu, pengguna tiada mempunyai pilihan lain selain berbelanja mengikut kemampuan sendiri.

Apa pun selepas ini, giliran lauk-pauk kayangan apa pula yang akan tular dalam media sosial? Kita tunggu dan lihat.

Azman Ibrahim ialah Penolong Pengarang Berita Utusan Malaysia.

Tular sotong goreng RM100: Fikir sama nasib pengusaha

GEORGETOWN: Pertubuhan Komuniti India Muslim Malaysia (IMcom) kesal dengan tindakan segerlitir netizen yang dikatakan ‘cepat melatah’ berhubung isu penyebaran maklumat berkaitan harga makanan terutama yang dipasarkan di restoran nasi kandar di negeri ini.

Ini susulan isu harga dua ekor sotong goreng RM100 di sebuah premis popular di Pulau Mutiara yang tular dalam media sosial Facebook.

Presidennya, Mohamed Rizwan Abdul Ghafoor Khan berkata, tindakan menyebarluaskan maklumat tanpa menyelidik kepastian sehingga menimbulkan tanggapan negatif dalam kalangan warganet sepatutnya tidak berlaku.

Menurutnya, tindakan pihak tidak bertanggungjawab itu bukan sahaja mendatangkan impak terhadap pemilik premis berkenaan, tetapi pengusaha restoran nasi kandar.



HIDANGAN sotong goreng yang dijual pada harga RM100 di Restoran Nasi Kandar Hameediyah yang disensasikan di dalam media sosial.

“Selidik dahulu apa yang berlaku. Jangan cepat melatah dan pantas menularkan perkara yang boleh membangkitkan banyak kegusaran.

“Prihatin sama nasib pengusaha restoran nasi kandar yang rata-ratanya baru hendak merasai kehadiran ramai peminat tegar makanan itu,” katanya.

Isu sotong: Pelanggan sudah mohon maaf

Nafi pertikai harga RM100 hidangan dua sotong goreng 'apollo'

Oleh MOHD ISKANDAR OTHMAN

GEORGETOWN

Pengusaha Restoran Nasi Kandar Hameediyah di Lebuh Campbell di sini telah menerima permohonan maaf daripada pelanggan yang membeli dua ekor sotong goreng bernilai RM100 menerusi mesej di aplikasi WhatsApp.

Pengarhnya, Muhammad Riyaz Syed Ibrahim berkata, wanita berkenaan turut menafikan dirinya yang mempertikaikan harga hidangan sotong goreng 'apollo' itu dengan memuat naik mesej di media sosial.

Menurutnya, pelanggan itu mendakwa ada pihak lain menyunting gambar yang dimuat naik olehnya di Instagram dengan kapsyen tertentu.

"Pelanggan itu menghantar mesej



Sotong goreng 'apollo' dijual di restoran berkenaan yang cetuskan kontroversi.

kepada saya beri penjelasan sebenar selain mengaku tahu akan harga hidangan sotong goreng berkenaan.

"Selain itu, individu berkenaan turut meminta saya untuk memuat

naik tindakan mohon maaf ini agar orang ramai dapat penjelasan sebenar," katanya ketika dihubungi pada Khamis.

Riyaz memberitahu, pihaknya menerima permohonan maaf daripada pelanggan berkenaan kerana dia tidak bermiat menjatuhkan reputasi restoran tersebut.

Bagaimanapun, tambah Riyaz, pihaknya sedang mempertimbangkan untuk membuat laporan polis terhadap individu yang bertindak membuat salinan skrin serta menulis keterangan yang boleh menjelaskan nama restoran.

Pada Rabu, isu harga sotong goreng yang dijual di restoran berkenaan menjadi perdebatan ramai di media sosial apabila ia dijual dengan harga RM100 untuk dua ekor.

Susulan itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang mengeluarkan notis peringatan maklumat barang terhadap pemilik restoran nasi kandar itu bagi mendapatkan maklumat serta harga kos dan jualan bagi sotong goreng tersebut.

Roti Gardenia naik harga bermula 1 Disember ini

SHAH ALAM - Harga produk berdasarkan roti keluaran Gardenia akan meningkat bermula 1 Disember ini bagi pengguna di Semenanjung Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif Gardenia Bakeries (KL), Koh Chin Huat berkata, kenaikan harga itu disebabkan syarikat terjejas teruk oleh kenaikan kos akibat penularan wabak Covid-19.

"Gardenia KL juga terjejas dengan cabaran ini dan telah berusaha sedaya upaya untuk menyerap kenaikan harga bahan mentah.

"Namun, peningkatan besar dalam pembuatan dan kos bahan di luar kawalan kami telah meletakkan Gardenia KL dalam kedudukan sukar tanpa alternatif kecuali melaksanakan semakan harga ke atas produk Gardenia berkaitan kuasa 1 Disember 2021," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Dalam pada itu, menurut senarai semakan harga yang dilaporkan dihantar kepada peruncit, harga roti Classic Original Gardenia akan naik kepada RM2.80, roti Jumbo berharga RM4, manakala roti bajet Bonanza Big Value akan naik 35 sen menjadi RM3.10.

Roti bijirin gandum penuh Gardenia

Gardenia KL juga terjejas dengan cabaran ini dan telah berusaha sedaya upaya untuk menyerap kenaikan harga bahan mentah."

pula akan dijual pada RM3.60, manakala roti Bran & WheatGerm pula dijual dengan harga RM2.50.

Sementara itu, senarai roti Delicia dan Toast-em yang merangkumi roti Butterscotch, Choco Raisin, Raspberry Milk dan Cranberries serta Pandan Kelapa akan dijual pada harga RM5 berbanding RM4.25 ketika ini.

Roti sambal bilis syarikat pula akan berharga RM1.30 mulai bulan depan manakala roti krim Quick Bites naik 10 sen menjadi RM1.

Gardenia Bakeries (KL) mengucapkan terima kasih kepada pelanggannya dan menegaskan bahawa kenaikan harga adalah pilihan terakhir selepas ia mengambil langkah lain untuk memaksimumkan kecekapan operasi.

Barang mahal: Apa langkah kita?

SAUDARA PENGARANG,

KEKURANGAN bekalan disebabkan bencana alam seperti gempa bumi, banjir atau serangan tanaman adalah sukar dikawal tetapi boleh diisiasat oleh persatuan pengguna sekiranya berlaku kenaikan harga barang keperluan. Tujuannya untuk mengetahui sama ada ia sengaja dilakukan penjual untuk mendapat untung berlebihan.

Persatuan-persatuan pengguna perlu bersatu agar langkah mereka seterusnya akan lebih berkesan. Kedai-kedai yang mengenakan harga terlalu tinggi boleh dipulaukan oleh ribuan ahli-ahli persatuan pengguna yang bergabung ini.

Ahli-ahli juga boleh dididik untuk mengesan penipuan sama ada dari segi sukatan, mutu dan sebagainya oleh penjual. Langkah ini boleh dibuat bersama Institut Piauanian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia atau SIRIM Berhad.

Selain itu, peniaga yang melakukan kesalahan hendaklah dikenakan hukuman setimpal terutama yang mengambil kesempatan pada masa kritis seperti banjir atau kebakaran.

Undang-undang juga perlu digubal untuk menghalang tindakan monopoli dan pakatan harga.

Persatuan pengguna juga boleh bekerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi memastikan bukan sahaja pengeluar mendapat harga pasaran berpatutan tetapi pengguna juga mendapat faedah daripada mutu yang tinggi.

BULBIR SINGH
Seremban, Negeri Sembilan



PENGGUNA perlu bijak mengambil tindakan dengan mengadu kenaikan harga kepada persatuan pengguna agar harga barang dapat dikawal. - GAMBAR HIASAN/MOHAMMAD FIRDAUS AMRAN

HARI : JUMAAT
TARIKH : 26/11/2021
M/SURAT : 17

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

KEMPEN BELI
BARANGAN MALAYSIA
#barangbaikbarangkit

BUATAN MALAYSIA
MADE IN MALAYSIA

Jom Sokong dan Beli

www.kpdnhep.gov.my

@kpdnhep KPDNHEP TV

The poster features the Malaysian coat of arms at the top. Below it is the text 'KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA'. In the center, there's a logo for 'KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA' with the hashtag '#barangbaikbarangkit'. To the right is the 'MADE IN MALAYSIA' logo. The main slogan 'Jom Sokong dan Beli' is written in large, stylized letters. At the bottom, there's a photo of a man and a woman standing on a smartphone screen, surrounded by various Malaysian products like shoes, food, and drink containers. The bottom of the poster has social media links for Twitter, Instagram, Facebook, and YouTube, along with the website 'www.kpdnhep.gov.my'.